

BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANCELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA PERJUMPAAN MINGGUAN BERSAMA
NAIB CANCELOR & PROGRAM GOTONG-ROYONG
KAMPUS PAUH PUTRA
PADA 18 JANUARI 2012

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daud Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pemangku Pendaftar UniMAP

Yg. Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yg Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan

Yang Berbahagia Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita semua berkumpul pada Program Perjumpaan Mingguan Bersama Naib Canselor & Program Gotong-Royong Kampus Pauh Putra di pagi yang berbahagia ini sekaligus dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim sesama kita.

Ladies and Gentlemen,

In few days time, the Chinese community all over the world will be celebrating Chinese New Year. The Chinese community believes that this year's New Year celebration marked the year of the Dragon which symbolizes Positive changes and also a year of prosperity.

Therefore, let us all inculcate the culture of positive self improvement, towards ourselves, our family and the community. We pray that the year Of The Dragon will

auger well for the developement of the country and its citizens.

Last Year was the year of the Rabbit and we are very proud of UniMAP's achievement in R&D, sports and culture nationally and internationally.

I hope that The Year Of The Dragon which symbolizes Strength, Health, Harmony and Luck will be even better for UniMAP for 2012. In line with the Chinese New Year Celebration This year, UniMAP will be celebrating the Chinese New Year 2012 tomorrow night. To all staff and students involved in the organizing of this function, I hope to get 100 percent commitment to make this Chinese New Year appreciation night a great success.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Saya berasa amat gembira pada pagi ini kerana ini merupakan kali pertama program perjumpaan mingguan bersama Naib Canselor diadakan di Kampus Tetap di Pauh Putra. Saya pasti masih ada lagi di antara kita yang masih belum datang ke sini dan melihat sendiri keindahan kampus kita ini. Disebabkan ini jugalah akan diadakan gotong royong pada hari ini bagi memperkenalkan Kampus Pauh Putra

kepada semua staff UniMAP. Sambil bergotong royong itu, jamulah mata dengan keindahan alam semulajadi di kampus kita ini.

Hadirin sekalian

Baru- baru ini kita telah dikejutkan dengan satu cubaan sekumpulan mahasiswa dari beberapa IPTA dan IPTS di utara tanahair dikenali dengan nama Watch-13 untuk menganjurkan perhimpunan haram di dataran bangunan KWSP yang menempatkan Pusat Pentadbiran UniMAP.

Saya berasa amat sedih dan kecewa kerana salah seorang mahasiswa tahun akhir kita juga turut terlibat dengan kumpulan yang tidak jelas akan motif perjuangan ini.

Sebagai seorang mahasiswa yang baik, mereka tidak seharusnya memusnahkan harapan ibu bapa yang mahukan anak mereka berjaya dalam pelajaran. Oleh itu, saya berharap kita yang bertanggungjawab sebagai ibu bapa sementara mereka akan dapat memantau aktiviti para pelajar supaya tidak lagi terjebak dengan aktiviti yang merugikan ini.

Di sini saya juga ingin memberi amaran keras kepada para pelajar dan staff yang terlibat atau berura-ura ingin melibatkan diri dengan kumpulan atau pertubuhan haram, pihak pengurusan universiti tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas termasuk membuang pelajar atau

staff yang didapati bersalah. Hal ini kerana keterlibatan mereka dalam aktiviti haram ini akan menjejaskan imej universiti sebagai gedung ilmu. Lagipun sebagai warga UniMAP, kita tidak mahu UniMAP yang kita sayangi dimusnahkan oleh kumpulan yang tidak bertanggungjawab ini. Kita tinggalkan dulu berita mengenai peristiwa hitam itu dan kita dengar pula tentang pencapaian dan aktiviti kita yang telah dan akan berlangsung sepanjang bulan ini.

Hadirin sekalian,

Pelbagai aktiviti telah berlangsung sepanjang minggu lalu dan juga minggu ini dan izinkan saya berkongsi sebahagiannya dengan anda.

Pada 11 Januari lalu, Ekspo Rekacipta dan Penyelidikan UniMAP telah berlangsung di Kampus Tetap, Pauh Putra. Saya difahamkan lebih 350 produk telah dipertandingkan pada pertandingan kali ke enam ini. Seramai 31 produk memperolehi pingat emas, 101 perak dan 100 gangsa. Bagi yang telah berjaya, setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan manakala yang tidak berjaya, jangan berputus asa, cuba lagi di tahun hadapan.

Bagi para pemenang, kejayaan ini merupakan permulaan anda untuk tahun ini bagi mengharumkan nama UniMAP di pameran yang seterusnya, sama ada peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.

Hadirin sekalian,

UniMAP telah dipilih oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) untuk Program Dokumentari Gemilang Malaysia-Kemajuan Pendidikan Di Perlis. Untuk makluman semua, dokumentari ini akan memaparkan sumbangan UniMAP sebagai sebuah universiti yang menjadi penjana kepada kemajuan dan sosio-ekonomi di negeri Perlis.

Sesi penggambaran akan bermula pada 20 hingga 23 Januari 2012. Saya berasa amat berbangga kerana hasil kerja keras kita selama ini dalam bidang pendidikan semakin mendapat pengiktirafan masyarakat luar.

Saya tidak ingin berucap panjang pada pagi ini, kerana kita akan mengadakan program gotong royong selepas ini. Saya sudahi dengan serangkap pantun:

Budak-budak Makan Rambutan

Rambutan Rendah di Hujung Dahan

Bersama Kita Kekalkan Keindahan

Agar Pauh Putra Menjadi Bualan

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.